

PATRIOTISME DALAM KALANGAN SISWA GURU INSTITUT PENDIDIKAN GURU DI MALAYSIA

PATRIOTISM AMONG TRAINEE TEACHER OF MALAYSIAN TEACHERS EDUCATION INSTITUTE

Muhamad Azian Saad¹
Mohamad Ali Haniffa²

^{1,2}Universiti Utara Malaysia

¹yansaad1033@gmail.com, ²m.ali@uum.edu.my

Accepted date: 02-12-2018

Published date: 15-12-2018

To cite this document: Saad, M. A., & Haniffa, M. A. (2018). Patriotism Among Trainee Teacher of Malaysian Teachers Education Institute. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (22), 49-68.

Abstrak: Keperluan untuk melestarikan semangat patriotisme kepada rakyat Malaysia melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak 2014. Pelajar perlu dibekalkan dengan semangat cintakan negara dan sanggup berkorban demi negara tercinta ini. Patriotisme di Malaysia lazimnya dikaitkan dengan pelajar sekolah menengah, mahasiswa dan golongan belia. Fenomena sebenar di sekolah kini ialah guru-guru tidak berupaya menerapkan patriotisme semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilakukan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pemahaman dan amalan patriotisme dalam kalangan siswa guru sejarah Institut Pendidikan Guru di Malaysia. Kajian deskriptif menggunakan kaedah tinjauan melalui borang soal selidik di tiga zon iaitu zon utara (Perlis, Kedah dan Pulau Pinang), zon timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang) dan zon selatan (Johor, Negeri Sembilan dan Melaka) melibatkan seramai 276 orang siswa guru sejarah di 13 buah kampus IPG. Dapatan kajian menunjukkan siswa guru sejarah mempunyai tahap pemahaman dan amalan patriotisme yang tinggi dalam kalangan siswa guru sejarah Institut Pendidikan Guru di Malaysia. Selain itu, kajian juga membuktikan terdapatnya hubungan yang signifikan antara pemahaman patriotisme dengan amalan patriotisme dalam kalangan siswa guru sejarah IPG di Malaysia.

Kata Kunci: Patriotisme, Siswa Pendidik, Sejarah, Kurikulum Standard Sekolah Rendah, Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan

Abstract: The effort to foster the spirit of patriotism among Malaysians through the Primary School Standard Curriculum (KSSR) was implemented by the Ministry of Education (MOE) since 2014. Students need to be instilled with the spirit of love for the nation and willingness to sacrifice for the sake of this beloved country. Patriotism in Malaysia are typically associated with high school students, college students and youth. Real phenomenon in school teachers

currently is not able to enforce patriotism during the teaching and learning process is carried out. This study aimed to identify the level of understanding and practice of patriotism among students of history teachers Teachers Training Institute in Malaysia. Descriptive study using survey through questionnaires in three zones of the northern zone (Perlis, Kedah and Penang), eastern zone (Kelantan, Terengganu and Pahang) and southern zone (Johor, Negeri Sembilan and Melaka) involving a total of 276 students, teachers its 13 campuses in the IPG. Results showed that the understanding of patriotism and practice of patriotic students teach history at the Institute of Teacher Education (IPG) in Malaysia is at a high level (mean = 4.06, sd = 0.270) for the understanding of patriotism and (mean = 4.48; sp = 0.451) for the practice their patriotism. In addition, the correlation test showed the value of r is .434 and $p = .000$, namely $p < 0.05$ indicates that there is a weak relationship between the understanding of patriotism and patriotism practice of history trainee teachers IPG in Malaysia.

Keywords: *Patriotisme, Trainee Teacher, History, Primary School Curriculum Standard, Bachelor of Teaching Degree Program*

Pengenalan

Peristiwa penjajahan lampau oleh Portugis dari zaman Kesultanan Melaka hinggalah kepada penjajahan Jepun menjadi satu pengajaran berguna kepada rakyat di negara ini agar sayang dan cintakan tanah air. Kesedaran pentingnya melestarikan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat di negara ini perlu seiring dengan kemajuan zaman. Apa yang terjadi dalam peperangan di negara Syria, Iraq, Afghanistan dan penjajahan Israel ke atas Palestin, serta Thailand yang pernah mengalami konflik berdarah. Perebutan kuasa antara dua pihak menjadikan seluruh rakyat menderita. Malaysia juga pernah berdepan dengan pencerobohan tentera Jamalul Kiram III ke atas kawasan pantai timur Sabah pada tahun 2013 yang menggelar diri mereka sebagai Angkatan Keselamatan Diraja Kesultanan Sulu dan Borneo Utara. Peristiwa di Lahad Datu, Sabah menjadi iktibar kepada rakyat Malaysia tentang perlunya kesatuan dan semangat nasionalisme serta patriotisme untuk mempertahankan kedaulatan negara. Ini ditambah lagi dengan pendedahan hasil kajian Indeks Patriotisme Negara pada tahun 2014 menunjukkan tahap semangat cintakan negara dalam kalangan masyarakat negara ini masih rendah dan merisaukan.

Wujud banyak peristiwa yang menampakkan dengan jelas kurangnya memahami erti semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda. Fenomena ini diakui oleh Sarjit S. Gill, Mohd Rahimi dan Ahmad Tarmizi (2015) yang membicarakan tentang generasi muda kini semakin terdedah dengan pelbagai media sosial baharu yang membuka kotak pemikiran mereka dan ada yang mula mengalami hakisan semangat patriotisme terhadap negara. Berapa indikator telah ditetapkan untuk menggambarkan kelunturan semangat patriotisme iaitu kadar jenayah yang tinggi sanggup mencemarkan dan mengaibkan nama negara, vandalisme, menjual rahsia negara, kegiatan cakera padat video lucah dan politik wang (Suhaimi, 2005). Rentetan itu, kaedah pemahaman, amalan dan penerapan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat di Malaysia perlu digiatkan terutama kepada golongan muda khususnya pelajar.

Patriotisme

Menurut sarjana barat seperti Bertrand Russell yang berpandangan patriot selalu bercakap tentang mati untuk negaranya dan tidak pernah bercakap tentang membunuh untuk negaranya. Bagi George Bernard Shaw, patriotisme ialah keyakinan bahawa negara ini lebih hebat daripada semua negara-negara lain, sebab kita lahir di sini. Manakala dalam konteks Islam, patriotisme

sebenarnya merujuk kepada semangat jihad di jalan Allah dan jihad dalam konteks ini adalah untuk menegakkan peradaban manusia seluruhnya yang diredhai Allah (Mohd Zuhdi, 2017).

Menurut Gill, Mohd Rahimi Ramli dan Ahmad Tarmizi Talib (2015) menyatakan patriotisme berasal daripada perkataan Latin *patria* dan Greek *patritha*. Seseorang itu, dianggap berjiwa patriot apabila kepercayaan, amalan dan tindakannya menepati ciri-ciri patriotisme berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara (Nik Anuar, 2002). Hal ini bertepatan dengan maksud patriotisme yang dinyatakan penulis-penulis terawal tentang patriotisme seperti Bar-Tal dan Staub yang menulis;

“A core definition of patriotism is attachment by group members to their group and the land which it resides.” (Bar-Tal dan Staub, 1997)

Menurut Levine, (2006) patriotisme merupakan perasaan cinta terhadap negara dan bagi kebanyakan orang, perasaan itu bukan sahaja ghairah, eksklusif dan perasaan cinta yang mengubah cara hidup tetapi satu perasaan yang lebih kepada perhubungan darah seperti saudara dan tidak melibatkan pemilihan. Sitti, Abdul Razaq dan Mohd Mahzan (2015) menyatakan patriotisme adalah perasaan kasih sayang, cinta dan belas kasihan terhadap tanah air tempat seseorang dilahirkan, tanah yang dicipta oleh Pencipta mereka bagi hamba-hamba-Nya melakukan kebaikan. Saifuddin (2002) dan Sarjit et al., (2015) menjelaskan bahawa definisi patriotisme tidak berubah, iaitu cinta yang kental dan kekal terhadap bangsa dan negara, tetapi bentuk dan fokus patriotisme akan berubah mengikut masa dan keadaan. Patriotisme dimanifestasikan apabila seorang warganegara itu sanggup mempertahankan negara semasa negara digugat oleh anasir luar dan berasa bangga apabila negara mencapai kejayaan. Rakyat yang tidak mempunyai semangat patriotisme tidak akan berbuat apa-apa jika berlaku sesuatu musibah menimpa negara. Ku Hasnita (2013), Subadrah, Rajeswary & Najeemah (2011), Hand (2011), Mohd Jamil (2005), Ruhanie (2005), Aziz (2009), Nordin (2009), Nazri & Jamsari (2002), Gordon (2000), Totten (1998) dan Doob (1964) menyatakan bahawa istilah patriotisme umumnya bermakna cintakan tanah air atau tanah tumpah darah.

Pelestarian Patriotisme di Malaysia

Dalam memahami semangat patriotisme, kita tidak dapat lari daripada persoalan bagaimana mahu merealisasikan semangat ini dalam kalangan rakyat Malaysia. Kita tidak mahu membangkitkan semangat patriotisme bermusim seperti menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina atau Deepavali. Penerimaan masyarakat tentang patriotisme hari ini adalah seperti menyambut hari-hari perayaan umum perlu diperbetulkan. Pengisian makna sebenar sambutan hari kebangsaan dilihat kurang memberi impak terhadap peningkatan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia. Nilai-nilai patriotisme perlu ditanam dalam jiwa setiap anggota masyarakat di Malaysia khususnya dalam kalangan remaja (Rashidah, 2016). Kini perlunya inti pati semangat ini diselitkan dalam pendidikan negara terutama dari sekolah rendah dan pendidik perlu menyemai semangat patriotisme dengan lebih kreatif supaya pelajar dapat menjiwai dengan lebih mendalam (Berita Harian, 2017). Keprihatinan kerajaan dalam isu ini sangat tinggi dan ia dibuktikan oleh pihak kerajaan yang sentiasa memurnikan dasar-dasar terhadap bidang pendidikan seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Malaysia menghadapi masalah akibat persaingan antara kaum dalam pelbagai bidang seperti politik, ekonomi, bahasa dan budaya yang berlaku secara terang-terangan mahupun secara tersembunyi demi mempertahankan atau memajukan kaum masing-masing (Mohamad Sultan, 2012). Fenomena ini jelas menunjukkan kesukaran untuk membina satu entiti Malaysia dan ini merupakan cabaran berterusan yang dihadapi oleh negara ini kerana masih terdapat keraguan

dalam kalangan kaum-kaum yang ada (Haris, 1990). Kini, Malaysia yang sudah lebih setengah abad merdeka, namun isu melahirkan masyarakat yang patriotik dan bersatu padu masih menjadi cabaran utama. Malaysia masih bergelut untuk membentuk sebuah negara bangsa yang sempurna (Mohamad Rodzi, 2009). Sistem pendidikan yang dibentuk selepas merdeka menghadapi cabaran yang getir ke arah membangunkan semangat patriotik dan memupuk perasaan sayang akan negara. Situasi ini wujud kerana generasi yang lahir selepas merdeka menikmati segala peluang yang tersedia tanpa menyedari pahit jerih yang terpaksa diharungi oleh generasi terdahulu (Abdul Aziz, Abdul Razaq, Mohd Mahzan dan Jamil, 2015).

Kita tidak dapat menolak hakikat bahawa setakat ini usaha menanam dan menyemai semangat patriotisme dalam kalangan remaja belum cukup (Berita Harian, 2017). Perlu ada satu solusi yang dapat menyelesaikan masalah ini. Oleh itu, dalam mempertahankan kedaulatan negara, semangat patriotisme merupakan benteng penting yang perlu diperkukuhkan dalam jiwa rakyat sesebuah negara (Hussein & Haneza, 2015). Amatlah wajar semangat patriotisme didedahkan kepentingannya kepada rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Hal ini kerana patriotisme merupakan dedikasi dan pengorbanan seumur hidup untuk negara (Utusan Online, 2016). Menurut Kleinig, Keller dan Primoratz (2015), kita sering berbicara untuk menjadi warga negara yang baik, namun dalam dunia sebenar patriotisme lebih dari itu kerana warga negara yang patriotik akan mempertahankan negara walaupun dalam situasi yang sukar. Pemahaman yang betul tentang patriotisme serta mengamalkannya menjadi satu kemestian kepada kemenjadian insan agar dapat membentuk masyarakat yang sayang dan cintakan tanah air.

Dasar kerajaan mewajibkan semua murid sekolah rendah mempelajari mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2014 memberi implikasi berkesan untuk melestarikan patriotisme di sekolah. Rentetan itu, Institut Pendidikan Guru (IPG) diberi tanggungjawab untuk melahirkan guru-guru yang mampu mengajar dengan kaedah terkini dan dalam masa yang sama menyemai semangat patriotisme kepada semua pelajar. Tanggungjawab yang berat ini dilihat perlu digalas oleh IPG dalam menghasilkan guru-guru yang berkualiti selaras dengan Standard Guru Malaysia yang ditetapkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009). Pensyarah di Institut Pendidikan Guru (IPG) perlu transformasi kemahiran dan teknik berfikir pelbagai kecerdasan dan teknik pembelajaran yang menerapkan semangat patriotisme.

Permasalahan Kajian

Kelunturan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda hari ini kerana kurangnya kesedaran mereka mengenai cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh mereka bagi menjalankan tanggungjawab sebagai warganegara (Rohani, 2003). Semangat patriotisme dilihat menjadi penting apabila kerajaan mula mewajibkan semua murid sekolah rendah mempelajari mata pelajaran Sejarah sebagai subjek teras mulai tahun 2014. Selepas mengumumkan mata pelajaran Sejarah wajib lulus bagi memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2013, pihak kerajaan mengambil pendekatan lebih praktikal dengan menjadikannya sebagai subjek teras di sekolah rendah melalui Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan Satu Tahun 2014, Pelaksanaan Mata Pelajaran Sejarah KSSR Tahap Dua Mulai Tahun 2014 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Bermula pada tahun 2014, subjek Sejarah diajar di tahun empat sekolah rendah dan ia diikuti tahun lima dan tahun enam. Sehubungan itu, wujud keperluan inti pati semangat patriotisme diselitkan dalam pendidikan negara dan para pendidik perlu menyemai semangat patriotisme dengan lebih kreatif supaya pelajar dapat menjiwai semangat tersebut dengan lebih mendalam. Baxi (1997), Evans (1998), Douzinas (2000), Ignatieff (2001) Mutua (2002), Tibbitts (2002) Donnelly (2003), Keet (2010, 2012) dan Bajaj (2011) berpendapat isu pendidikan patriotisme menjadi lebih rumit jika ia dianggap mempunyai hubungan dengan hak asasi manusia dan pendidikan hak asasi manusia. Vincent pula membangkitkan tentang terdapatnya pertikaian antara

semangat patriotisme dan hak asasi manusia yang telah mewujudkan ketegangan sama ada kedua-dua benar-benar boleh disatukan. Namun begitu, secara keseluruhannya didapati kajian tentang semangat patriotisme dalam kalangan murid masih lagi terhad di negara kita (Subadrah, Rajeswari & Najeemah, 2011).

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) diberi tanggungjawab untuk melahirkan guru-guru yang mampu mengajar dengan kaedah terkini dan dalam masa yang sama menyemai semangat patriotisme kepada semua pelajar. Tanggungjawab berat ini perlu digalas oleh IPG dalam menyediakan siswa guru atau guru pelatih yang berkualiti dan kompetan dalam aspek amalan nilai profesionalisme keguruan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran berdasarkan Standard Guru Malaysia. Kurikulum Standard Sekolah Rendah mata pelajaran Sejarah dibina berasaskan enam tunjang iaitu komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, literasi sains dan teknologi dan keterampilan diri. Berdasarkan enam tunjang tersebut, tunjang keenam iaitu kemanusiaan merupakan tunjang yang merealisasikan penghayatan semangat patriotisme dan perpaduan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Pernyataan tersebut jelas membayangkan hubungan yang utuh antara mata pelajaran Sejarah dengan patriotisme. Tunjang kemanusiaan menjadi bukti bahawa murid sekolah rendah sememangnya diberi pendedahan tentang penghayatan semangat patriotisme di sekolah rendah bermula tahun empat lagi.

Justeru itu, bakal-bakal guru Sejarah dilihat akan menempuhi cabaran yang berat kerana mereka diwajibkan menerapkan elemen patriotisme dalam setiap sesi pengajaran dan pembelajaran yang akan dijalankan. Cabaran bakal guru Sejarah menjadi semakin besar kerana mata pelajaran Sejarah hanya diajar bermula di tahun empat dan bukannya tahun satu. Oleh yang demikian kajian ini secara umumnya akan melihat unsur patriotisme yang ada dalam jiwa siswa guru sejarah dan bagaimana mereka menyampaikan unsur tersebut kepada pelajar di sekolah rendah melalui mata pelajaran Sejarah seperti yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Secara terperinci kajian ini akan membuka persepsi tentang isu-isu patriotisme dalam pengetahuan, amalan dan penerapan patriotisme di peringkat sekolah rendah dan mengenal pasti bagaimana siswa guru mata pelajaran Sejarah menerapkan unsur patriotisme semasa sesi latihan mengajar atau praktikum di sekolah rendah. Secara tidak langsung kajian ini akan merungkai apakah masalah yang berlaku berkaitan pengetahuan, pemahaman dan penerapan semangat patriotisme siswa guru mata pelajaran Sejarah. Akhirnya, dapatan kajian ini diharap dapat dijadikan asas pemikiran atau penilaian untuk membentuk modul atau garis panduan penerapan patriotisme yang dapat digunakan oleh semua bakal guru amnya dan siswa guru sejarah khususnya.

Persoalan dan Objektif Kajian

Kajian ini mengkaji patriotisme berkaitan pemahaman dan amalan dalam kalangan siswa guru sejarah di Institut Pendidikan Guru di Malaysia berteraskan tiga soalan kajian yang perlu diselesaikan. Pertama apakah tahap pemahaman terhadap patriotisme dalam kalangan siswa guru sejarah di seluruh Institut Pendidikan Guru di Malaysia? Kedua apakah tahap amalan patriotisme dalam kalangan siswa guru sejarah di seluruh Institut Pendidikan Guru di Malaysia? dan terakhir adakah terdapat hubungan tahap pemahaman terhadap patriotisme dengan tahap amalan patriotisme dalam kalangan siswa guru sejarah Institut Pendidikan Guru di Malaysia?

Berdasarkan persoalan tersebut kajian mempunyai objektif untuk mengenalpasti tahap pemahaman terhadap patriotisme dalam kalangan siswa guru sejarah di seluruh Institut Pendidikan Guru di Malaysia. Berikutnya mengkaji tahap amalan patriotisme dalam kalangan siswa guru sejarah di seluruh Institut Pendidikan Guru di Malaysia dan menganalisis hubungan

tahap pemahaman dengan amalan-amalan patriotisme untuk dalam kalangan siswa guru sejarah di Institut Pendidikan Guru di Malaysia.

Tinjauan Literatur

Elemen patriotisme merupakan satu set jadual yang memaparkan tentang elemen-elemen patriotisme yang dikategorikan mengikut kajian-kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu. Elemen patriotisme yang telah dikaji ini memaparkan tentang carian berkaitan patriotisme yang dikaji dan disertakan dengan sumber rujukan elemen tersebut serta diterjemahkan dalam bentuk jadual.

Jadual 1: Elemen Literatur Patriotisme

Elemen	Rujukan Literatur
Kewarganegaraan	Marshal (1950), Clarke (1994), Virolli (1995), Abdul Latif (1996) Bar-Tal & Staub (1997), Abd. Rahim (1999) Anuar (2001) Cottam & Cottam (2001) Yusef Waghid (2009) dan Keller (2015).
Motivasi	Maslow`s (1954), Staub (1989, 1997) dan Tamir (1997).
Pembinaan Negara	Anderson (1993), Schlesinger (1997), Lofgren (1989), Kohl & Fawcett (1996), Tajfel (1978), Tajfel&Turner (1979,1986), Gozman (1997), Saifuddin (2002) dan Kleinig (2015).
Emosi	Abdul Latif (1996), Apiiah (1996), Bar-Tal & Staub (1997) dan Anuar (2001).
Sikap	Nussbaum (1996), Nathanson (1997, 1998), Johnson (1997) dan Primorats (2015)
Nasionalisme	Kohn (1944), Hertz (1945), Kedourie (1966), Minogue (1967), Ongkili (1971), Smith (1971), Baradat (1979), Ramanathan (1988) Murray (1993), Kelman (1997) Kashti (1997) dan Worchel & Coutant (1997).
Sosialisasi	Orwel (1968), Johnson (1986), Wang (1998) dan Ku Hasnita, (2011).
Agama	Wan Yahaya (2002) dan Mohd Zuhdi (2014)
Politik	Almond (1984) dan Andrews (1997)

Sumber: Diubahsuai daripada Mohamad Sultan (2012).

Pemahaman Tentang Patriotisme

Pemahaman bermaksud perihal memahami, apa yang difahami tentang sesuatu atau sejauh mana sesuatu itu difahami (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Pemahaman tentang patriotisme sangat penting kerana tanpa pemahaman yang betul akan menyebabkan wujudnya tanggapan yang salah terhadap maksud sebenar patriotisme. Malah terdapat yang keliru antara maksud sebenar patriotisme dan nasionalisme. Walau bagaimanapun patriotisme dan nasionalisme saling berkait antara satu sama lain (Rohani, 2003). Patriotisme melibatkan unsur kerohanian, penyerahan jiwa raga sehingga nyawa sebagai gadaian (Utusan Online, 2010). Dalam menyampaikan maksud patriotisme medium pendidikan merupakan saluran penting untuk melestarikan semangat ini kepada rakyat. Pendidikan adalah pembentukan pemikiran dan sikap seseorang individu, dan bukan hanya menyampaikan ilmu kepada individu untuk menghadapi peperiksaan (Chua, 2017). Manfaat yang diperoleh oleh seorang individu dari sistem

pendidikan yang diterima seharusnya merangkumi juga untuk melahirkan rakyat yang bersemangat patriotik terhadap negara. Sarjana seperti White (1996, 2001), Callan (1997, 2006), Archard (1999), Gutmann (2002), Ben-Porath (2006, 2007), Brighouse (2006), Hand & Pearce (2009), Merry (2009), Hand (2011) dan Kodelja (2011) bersetuju bahawa terdapat perdebatan yang hebat dalam teori dan falsafah pendidikan tentang keperluan pengajaran patriotisme di sekolah. Perdebatan ini memberi indikator yang jelas kepada dunia dunia amnya dan Malaysia khususnya bahawa kita perlu lebih cakna terhadap semangat patriotisme yang perlu disemai kepada pelajar.

Pemahaman tentang patriotisme masih perlu disebar luaskan kepada seluruh masyarakat terutama golongan bakal pendidik yang akan menjadi penyampai dasar-dasar kerajaan terutama dalam membentuk rakyat atau pelajar yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi (Kleinig, Keller, & Primoratz, 2015). Dalam meneroka tahap patriotisme di kalangan rakyat Malaysia, kita memerlukan satu kajian yang menyeluruh agar tahap pemahaman tersebut boleh menjadi kayu ukur kepada kerajaan untuk memurnikan akta-akta sedia ada atau menggubal dasar baru yang boleh memberi lebih pemahaman dan penjiwaan terhadap patriotisme. Menurut Anuar dan Peter (2017), pemahaman konsep patriotisme yang dipelajari melalui pendidikan Sejarah mungkin berbeza dalam persekitaran multi-etnik seperti di Malaysia. Ia memberi gambaran bahawa kita mempunyai acuan sendiri untuk memberi pemahaman kepada murid-murid di sekolah tentang semangat patriotisme di Malaysia. Hussein dan Haneza (2015) telah menjalankan kajian terhadap pengurusan pembangunan konsep perpaduan dalam kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan di Kelang, Selangor mendapati bahawa tahap semangat patriotisme berbeza-beza mengikut kumpulan etnik. Kajian ini selari dengan kajian oleh Chua (2017) yang berjaya membuktikan tahap pemahaman patriotisme yang tidak sama antara etnik dalam mata pelajaran Sejarah. Dapatan kajian Hussein dan Haneza (2015) juga mendapati bahawa proses pembangunan semangat patriotisme yang dijalankan di sekolah kurang mempengaruhi dan menyumbang kepada konsep perpaduan. Ini bermaksud pemahaman tentang patriotisme di peringkat pengurusan sekolah masih lagi ditahap yang rendah. Fenomena ini terjadi kerana pihak sekolah kurang memberi impak yang besar terhadap pelajar. Tumpuan pihak sekolah untuk meningkatkan tahap akademik pelajar menyebabkan proses pembangunan dan penerapan semangat patriotisme kurang diberi perhatian. Namun Ku Hasnita dan Mohd Haizam (2011) mendapati proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah dan menengah mampu menjadi alat bagi pemahaman, pemupukan dan memperkasa semangat patriotisme dalam kalangan pelajar. Kajian yang telah dijalankan memberi gambaran bahawa pemahaman patriotisme yang rendah dalam kalangan murid yang mempunyai perbezaan etnik dan budaya memberi ruang kepada bidang pendidikan untuk menyimpulkan ikatan kecintaan dan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar.

Peristiwa kelunturan semangat patriotisme yang semakin menular ini menyebabkan tempiasnya turut mempengaruhi sistem pendidikan di negara kita yang terpaksa dikemas kini mengikut keperluan zaman. Selaras dengan itu, kurikulum sejarah juga sentiasa mengalami perubahan dan perkembangannya sejak mula diperkenalkan pada tahun 1905 oleh kerajaan British di Tanah Melayu (Mohamad Sultan Faujdar, 2012). Kini terdapat Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mata pelajaran Sejarah yang baru digubal dan diguna pakai mulai tahun 2014 di semua sekolah rendah di Malaysia. Antara matlamat utama KSSR mata pelajaran Sejarah ialah melahirkan warganegara yang patriotik dan menjunjung amalan demokrasi di Malaysia. Gill dan rakan-rakan (2015) yang mengukur tahap patriotisme melalui lima nilai iaitu, kesetiaan, kebanggaan, kekitaan, berdisiplin serta berusaha dan produktif mendapati kesedaran belia bandar di Semenanjung Malaysia terhadap patriotisme adalah tinggi. Kajian yang menggunakan lima nilai ini dijalankan oleh pengkaji antaranya kajian oleh Jaizah (2001), Sharifah (2001), Ahmad Fauzi (2002), Ahmad Rusdi (2002), Haminah (2007) dan Nazri &

Jamsari (2014) Dapatan kajian mendapati perlunya kesedaran pemahaman patriotisme dalam kalangan belia di Malaysia dan hal ini dapat memberi isyarat kepada pihak kerajaan untuk mencari kaedah yang lebih baik bagi meningkatkan lagi semangat patriotisme mereka (Sarjit et al, 2015).

Kajian oleh Ku Hasnita dan Mohd Haizam (2011) pula mendapati mahasiswa bukan Melayu di Institut Pendidikan Tinggi di sekitar Lembah Kelang mempunyai semangat patriotisme yang sederhana. Fenomena kelunturan semangat patriotisme dalam kalangan mahasiswa juga wujud dalam kajian oleh Aziz, Jamaluddin, Kadir dan Kadaruddin (2014) terhadap mahasiswa dari lapan negeri mengikut zon iaitu utara, timur, tengah, selatan dan Sabah dan Sarawak. Kajian tersebut berjaya membuktikan bahawa tahap kesedaran mahasiswa terhadap aspek patriotisme adalah rendah. Timbul persoalan mengapa wujud situasi rendahnya semangat patriotisme dalam kalangan mahasiswa di negara kita. Apa akan berlaku kepada mereka apabila mereka memasuki alam pekerjaan kelak. Jika mereka menceburi bidang pendidikan, adakah anak murid mereka akan terkena tempiasnya.

Apa yang lebih menggusarkan, patriotisme mahasiswa Melayu berada pada tahap yang membimbangkan dan fenomena ini terbukti dalam kajian oleh Mohd. Yusof, Jawiah, Abd. Latif, Mohd. Safar, Noor Aziah, Shamsul Azhar, Rosilawati, Noralina dan Mujahid (2012) terhadap 800 orang mahasiswa daripada empat buah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA). Hasil kajian ini selari dengan kajian oleh Aziz et al., (2014) mendapati jati diri etnik Melayu berada pada tahap yang membimbangkan. Ku Hasnita dan Mohd Haizam (2011) pula mendapati semangat patriotisme dalam kalangan mahasiswa bukan Melayu adalah sederhana. Wujud berbagai pertanyaan tentang impak sistem pendidikan dalam melahirkan warganegara minda kelas pertama dengan semangat patriotisme yang tinggi. Mengambil kira kajian-kajian terhadap mahasiswa, adalah amat malang bagi Malaysia yang menuju ke arah negara maju namun gagal melahirkan warga negara yang patriotik.

Justeru, berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh sarjana terdahulu sememangnya terbukti masih ramai dalam kalangan rakyat di negara ini gagal memahami maksud patriotisme dengan se jelasnya. Ramai yang memperagakan aksi-aksi yang kononnya patriotik tanpa memahami maksud disebalik perbuatan tersebut. Fenomena sebegini seharusnya diperbetulkan di peringkat sekolah lagi agar ianya tidak menjadi semakin parah. Ini membuktikan bahawa guru sangat memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan pemahaman terhadap maksud sebenar patriotisme dan amalan yang guru lakukan di sekolah akan merintis corak pemahaman patriotisme kepada pelajar.

Amalan Patriotisme

Amalan menurut kamus Bahasa Melayu, ialah sesuatu yang dilakukan (dilaksanakan, dikerjakan dan sebagainya) sebagai suatu kebiasaan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Semangat patriotisme bukan wujud secara semulajadi dalam diri setiap individu, tetapi semangat tersebut perlu disemai, dipupuk dan diajar (Berns, 1997). Patriotisme perlu dipupuk dan dibentuk melalui persekitaran yang membangun dengan meningkatkan rasa cinta pada negara dan bangga kepada tanah air (Habermas, 1996). Persekitaran patriotisme yang paling sesuai ialah dalam ruang lingkup persekolahan kerana dunia pendidikan adalah agen dan pemangkin jiwa patriotik dalam kalangan generasi muda (Abdul Aziz et al., 2015). Amalan pemupukan dan penghayatan nilai-nilai patriotisme bermula sejak daripada sekolah rendah (Nazri & Jamsari, 2004). Walau bagaimanapun setelah melalui proses pendidikan selama 13 tahun, ternyata penghayatan semangat patriotisme di kalangan pelajar masih longgar dan berada pada tahap sederhana (Rizal, 2002). Amalan patriotisme yang dilakukan dalam kalangan semua guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah merupakan faktor utama yang

perlu dilihat dan dikaji dengan lebih mendalam. Amalan patriotisme guru ialah tindakan yang dilakukan oleh guru dalam merancang rancangan pengajaran dan pembelajaran (pdp) yang mampu menerapkan unsur-unsur patriotisme sebelum memulakan setiap sesi pdp mata pelajaran Sejarah. Eston dan Hess melalui kajian di Amerika Syarikat mendapati, amalan pendidikan patriotisme didedahkan kepada murid seawal umur tiga tahun lagi melalui mata pelajaran politik di sekolah dan pengetahuan mereka menjadi mantap apabila mencapai usia tujuh tahun dan apabila mereka mencapai usia sembilan hingga sepuluh tahun mereka didedahkan dengan konsep-konsep yang lebih abstrak dan kompleks (Ku Hasnita & Mohd Haizam, 2011). Dapatan tersebut turut diakui oleh Ku Hanita dan Mohd Haizam (2011) yang mendapati amalan pembelajaran politik peringkat awal berupaya melahirkan kesedaran patriotisme dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia. Amalan patriotisme perlu didedahkan kepada pelajar sejak kecil agar unsur tersebut dapat berkembang seiringan dengan perkembangan fizikal dan mental pelajar. Menurut Bar-Tal dan Staub (1997), patriotisme memenuhi unsur tertentu dalam kehidupan individu dan masyarakat dan penting untuk pembentukan peribadi insan. Dalam memperkasakan semangat patriotisme, pendidikan patriotisme dilihat sebagai agen sosialisasi yang berkesan dan mantap namun matlamat untuk mewujudkan rakyat yang patriotik sukar untuk dicapai sekiranya elemen pendidikan tersebut kurang diberikan penekanan dan penghayatan yang maksimum. Pendidikan merupakan *platform* yang paling sesuai kerana pendidikan menjadi platform kepada asas ketamadunan mana-mana bangsa di dunia sejak zaman-berzaman.

Kajian Haminah (2007) mengenai persepsi guru sejarah terhadap amalan pemupukan patriotisme dalam mata pelajaran Sejarah melibatkan 264 orang guru sejarah mendapati wujud ketidakupayaan kalangan guru untuk menterjemahkan patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Kajian juga mendapati guru-guru sejarah menghadapi kesukaran untuk mengamalkan nilai-nilai patriotisme dalam beberapa tajuk yang terkandung dalam kurikulum Sejarah tingkatan dua dan sebahagian besar guru-guru sejarah yang dikaji tidak mendapat kursus-kursus untuk memupuk patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Beliau merumuskan bahawa unsur patriotisme yang sedia ada dalam buku teks tidak diguna pakai dalam sesi pengajaran dan pembelajaran guru-guru sejarah di kelas. Dapatan kajian Haminah ini selari dengan dapatan kajian yang telah dilakukan oleh Anuar (2001) yang mendapati guru-guru sejarah tidak bersedia untuk menerapkan nilai patriotisme semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu hanya melihat kelemahan guru-guru sejarah mengamalkan unsur-unsur patriotisme yang dinyatakan dalam buku teks sejarah sahaja. Apa yang jelas kajian-kajian tentang patriotisme yang dijalankan tidak mencari punca mengapa guru-guru yang terlatih gagal untuk menerapkan unsur patriotisme walaupun unsur tersebut telah disediakan dalam buku teks. Rentetan itu, wujud satu kelompangan mengapa guru-guru sejarah yang sudah terlatih masih gagal mengintergrasi nilai-nilai patriotisme semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan di bilik darjah. Kajian Mohamad Sultan (2012) melihat unsur-unsur patriotisme dan mesej tersembunyi diterapkan dalam buku teks sejarah Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) peringkat menengah rendah iaitu tingkatan satu, dua dan tiga. Hal ini menimbulkan persoalan mengapa guru-guru sejarah yang telah dikaji oleh Anuar dan Haminah gagal untuk mengamalkan nilai patriotisme yang sedia ada dalam buku teks yang dibekalkan kepada murid oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Situasi yang sama turut berlaku dalam kajian oleh Jaizah, Muhamad Khairuddin dan Ibrahim (2001) yang mendapati siswa guru tidak menerapkan unsur patriotisme seperti yang dirancang dalam buku rekod rancangan mengajar mereka.

Berdasarkan kajian-kajian tersebut wujud satu kelompangan di mana amalan guru-guru terlatih gagal untuk menerapkan patriotisme sedangkan mereka telah diberi latihan untuk berbuat demikian. Pengkaji akan cuba untuk meneroka masalah ini dengan menjalankan kajian terhadap bakal-bakal guru yang sedang mendapatkan latihan di Institut Pendidikan Guru di Malaysia. Kajian yang akan dijalankan ini akan meneroka bagaimana mereka amalan mereka dapat menerapkan unsur-unsur patriotisme di bilik darjah semasa program latihan mengajar atau praktikum dilaksanakan.

Kajian oleh Jaizah, Muhammad Khairuddin dan Ibrahim (2001) menyatakan bahawa berdasarkan pengalaman mereka sebagai penyelia dan melalui perbincangan dengan rakan-rakan pensyarah yang menyelia praktikum, didapati kebanyakan siswa pendidik tidak menerapkan unsur patriotisme seperti mana yang dirancang melalui sesuatu topik yang diajar. Walaupun amalan penerapan unsur patriotisme dicatatkan dalam perancangan pengajaran, tetapi semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran berlangsung penerapan tidak dibuat. Kajian oleh Jaizah et. al., (2001) dilihat mirip dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji, namun kajian tersebut bersifat tinjauan dan hanya dijalankan di sebuah IPG sahaja daripada 27 buah IPGK yang terdapat di Malaysia. Tambahan pula kajian tersebut dilakukan terhadap guru pelatih mata pelajaran Kajian Tempatan yang tidak lagi diajar di sekolah kini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Keterbatasan sampel kajian dan pemilihan lokasi kajian yang tidak menyeluruh menyebabkan kajian ini dilihat kurang memberi impak terhadap hasil kajian iaitu untuk melihat penerapan unsur patriotisme dalam kalangan guru pelatih semasa menjalani praktikum di sekolah.

Justeru kajian yang dijalankan ini cuba untuk melihat bagaimana tahap pemahaman dan amalan patriotisme dalam kalangan siswazah di Institut Pendidikan Guru Kampus di Malaysia yang merupakan bakal-bakal guru yang akan mengajar mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah rendah di seluruh Malaysia. Siswa guru sejarah di Institut Pendidikan Guru Kampus di Malaysia dipilih kerana mereka merupakan bakal-bakal guru sejarah yang akan menerapkan unsur-unsur patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang digunakan mulai 2014 menggariskan penerapan semangat patriotisme perlu direalisasikan dalam pengajaran guru. Matlamat utama pembinaan DSKP ialah;

Kurikulum Standard Sejarah Sekolah Rendah membolehkan murid memahami tingkah laku manusia, sebab dan akibat, keunikan Sejarah tanah air dan kegemilangan negara bagi melahirkan warganegara yang patriotik dan menjunjung amalan demokrasi di Malaysia. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Selain itu, fokus utama Kurikulum Standard Sejarah Sekolah Rendah ialah menyemai ilmu pengetahuan dan asas kemahiran pemikiran sejarah di samping penerapan semangat patriotik melalui pengetahuan tentang masa lalu yang mempengaruhi masa kini. Perkara ini selaras dengan pendapat Hill dalam Soebijantoro (2017) yang mengatakan bahawa dalam proses belajar mengajar pada mata pelajaran Sejarah terdapat dua komponen yang berpengaruh bagi keberhasilan murid iaitu komponen guru dan komponen subjek belajar iaitu pelajar.

Teori Patriotisme

Patriotisme adalah fenomena lama dalam kehidupan sesebuah bangsa. Pelbagai teori tentang patriotisme wujud untuk menjelaskan lagi konsep patriotisme. Bar-Tal dan Staub (1997) menyatakan teori patriotisme berdasarkan negara moden dengan menjadikan ikatan ketatanegaraan dan tanggungjawab kenegaraan sebagai ketaatan utama individu.

Teori ini menekankan tentang patriotisme yang menjadikan negara bangsa sebagai nilai utama yang mendorong individu untuk melibatkan diri dalam kegiatan politik, sokongan dan penilaian terhadap dasar dan kepimpinan, mobilisasi politik, ketaatan, pengurusan konflik dan resolusi serta perdagangan antarabangsa. Bar-Tal dan Staub menjelaskan bahawa patriotisme merupakan tapak asas bagi kumpulan atau negara bangsa.

In addition to fulfilling functions in the life of individuals, patriotism provides a basic foundation for group's or nation's life. It helps create unity, cohesiveness, solidarity, and mobilization-the psychological elements of sociality, of community, that are essential for group's existence and survival (Bar-Tal dan Staub, 1997).

Dalam kehidupan moden kini, patriotisme tidak terikat kepada sesebuah bangsa sahaja kerana ia mungkin boleh muncul di setiap kumpulan etnografi di wilayah tertentu. Patriotisme mencerminkan penilaian positif dan emosi terhadap individu dan bangsa dalam sesuatu wilayah yang mempamerkan kepercayaan, rasa cinta, kebanggaan, kesetiaan dan komitmen. Disamping itu, ia memberi gambaran tingkah laku yang memberi manfaat kepada bangsa. Selain itu, patriotisme juga dilihat sebagai senjata politik yang utuh atau *powerful political tool* untuk pihak pemerintah mengurus, menggerak dan mendapatkan sokongan rakyat (Bar-Tal dan Staub, 1997).

Sememangnya semangat patriotisme perlu diimplimentasi sepenuhnya oleh pihak kerajaan dalam melahirkan rakyat yang taat setia pada bangsa, agama dan negara. Kerajaan sentiasa cuba untuk memenuhi keperluan asas rakyatnya. Staub (1989) menjelaskan bahawa keperluan asas berkenaan ialah aspek keselamatan, jati diri positif, kawalan dan keberkesanan hubungan yang positif dengan orang lain dan dapat digunakan secara menyeluruh. Hal ini menjadikan kerajaan dan rakyat sentiasa mempunyai hubungan yang sangat baik. Sehubungan itu, adalah penting untuk mengkaji patriotisme sebagai produk pendidikan dan pihak pemerintah perlu secara aktif menyosialisasikan rakyatnya menjadi patriot dengan segala mekanisme sama ada melalui institusi budaya atau pendidikan (Staub, 1989). Rasa cinta dan hormat kepada bangsa dan negara merupakan elemen patriotisme yang ada dalam diri setiap warga sesebuah negara.

Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori penyelidikan yang dilakukan ini adalah berdasarkan kepada teori *constitutional patriotism* yang diperkenalkan oleh Muller (2007). Teori *constitutional patriotism* dimanifestasikan sebagai kesetiaan atau suatu identiti yang ada kaitan dengan konsep kepercayaan politik dan memupuk konsep sejarah dalam bentuk tertentu atau pembinaan semula perkembangan moral. Gagasan teori oleh Muller ini dilihat sangat selari dengan amalan patriotisme yang cuba dilaksanakan oleh kepimpinan kerajaan yang memerintah di Malaysia. *Constitutional patriotism* atau lebih dikenali sebagai patriotisme perlembagaan pada dasarnya adalah gagasan bahawa perlembagaan harus dilindungi, dipertahankan, dan diikuti. Sebagai warga negara atau seorang patriot, kita akan menerima perlembagaan Malaysia dan menyerahkan seluruh jiwa untuk mempertahankannya. Dalam bidang pendidikan, warga pendidik perlu membuat penegasan tentang perlunya pelajar menghormati perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara.

Berdasarkan teori ini dasar-dasar kerajaan dibentuk untuk membangunkan warganegara yang patriotik. Pengenalan dasar politik, ekonomi dan sosial sesebuah negara memberi peluang kepada semua rakyat untuk bersaing secara sihat dan sepatutnya mendalamkan lagi semangat patriotisme mereka (Haminah, 2007). Sangat jelas bahawa konsep patriotisme berkait rapat

dengan ideologi yang menjadi teras kepada sesebuah negara, malah ia boleh dikatakan menjadi ciri utama dalam perkembangan semangat patriotisme di kebanyakan negara di dunia. Dasar Pendidikan Kebangsaan umpamanya menggariskan mata pelajaran Sejarah sebagai alat utama bagi merealisasikan matlamat tersebut (Mohamad Rodzi, 2009). Ideologi sesebuah negara itu kemudiannya dipupuk dalam masyarakat dengan pelbagai cara sama ada melalui simbol, slogan, kempen dan lain-lain lagi. Nilai patriotisme yang didedahkan kepada rakyat amnya dan murid sekolah khasnya adalah nilai patriotisme berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum Sejarah (DSKP). Nilai bangga negara, setia negara dan menghormati simbol negara menjadi teras kepada pelajar dalam memahami patriotisme.

Antara aspek yang dapat menjadikan seseorang warganegara yang baik dan mempunyai semangat patriotisme yang tinggi iaitu melalui sistem pendidikan, pengetahuan tentang perlembagaan Malaysia dan keprihatinan sebagai masyarakat majmuk (Mohd Mahzan, Abdul Razaq dan Amla, 2015). Kajian ini memfokuskan pendidikan sebagai wahana untuk kerajaan mewujudkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia. Oleh itu kita dapati pelbagai dasar-dasar yang dibentuk dalam aspek pendidikan di Malaysia antaranya Dasar Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan paling terkini adalah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Begitu juga dengan mata pelajaran Sejarah yang telah ditambahbaik dengan memasukkan nilai-nilai kewarganegaraan dan integrasi nasional untuk menyuburkan lagi semangat patriotisme dan jati diri pelajar di peringkat sekolah menengah. Manakala pada peringkat sekolah rendah mata pelajaran Sejarah diperkenalkan dan dijadikan mata pelajaran teras pada tahap dua mulai tahun 2014 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Guru terlatih mata pelajaran Sejarah yang dibekalkan kepada KPM oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPG) dilihat menggalas tugas yang mencabar untuk melahirkan warga negara yang mempunyai semangat patriotisme yang kukuh seperti yang termaktub dalam kurikulum Mata Pelajaran Sejarah. Dalam menghasilkan guru-guru terlatih untuk berkhidmat di sekolah rendah, IPG akan memberi pengalaman sebenar di bilik darjah kepada siswa guru dengan menjalani latihan mengajar di sekolah rendah. Pemahaman dan amalan patriotisme yang dilakukan oleh siswa guru sejarah dikaji semasa praktikum dijalankan oleh siswa guru sejarah. Kajian juga melihat kaedah pdp dan penerapan nilai patriotisme yang dilaksanakan oleh siswa guru Sejarah di sekolah rendah.

Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap dan hubungan patriotisme siswa guru sejarah di IPG kampus seluruh Malaysia. Kajian ini bersifat tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai instrument untuk mendapatkan data. Kajian menggunakan rekabentuk kuantitatif untuk melihat tahap pemahaman patriotisme, tahap amalan dan hubungan antara tahap pemahaman dan amalan patriotisme dalam kalangan siswa guru sejarah Institut Pendidikan Guru di Malaysia.

Populasi kajian ialah semua siswa guru sejarah yang sedang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) ambilan Jun 2015 dan Jun 2016 berjumlah 444 orang di 27 buah Institut Pendidikan Guru seluruh Malaysia. Pengkaji telag membahagikan 27 buah IPGK mengikut zon. Terdapat lima zon dibentuk iaitu zon utara, zon selatan, zon timur, zon barat dan zon Sabah dan Sarawak. Pemilihan jenis persampelan kelompok atau *cluster sampling* lebih berkesan jika banyak kelompok untuk pilihan (Noraini, 2010). Responden diambil mengikut zon utara, zon timur dan zon selatan sahaja mengikut jadual Krejcie & Morgan (1970) hanya 276 siswa guru sejarah yang dijadikan sampel kajian. Responden merupakan siswa guru sejarah

yang akan bertugas sebagai guru sejarah setelah tamat Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru.

Kajian menggunakan soal selidik patriotisme yang diubah suai daripada kajian Haminah (2007) dan Mohamad Noor (2006). Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A, latar belakang responden, bahagian B pula mengandungi maklumat berkaitan pemahaman patriotisme dan bahagian C tentang amalan patriotisme responden. Ujian rintis telah dijalankan terhadap 60 orang siswa guru sejarah di zon barat yang tidak termasuk dalam sampel kajian.

Dapatan kajian dan perbincangan

Data dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*) versi 21 melibatkan analisa deskriptif seperti peratusan, min dan sisihan piawai digunakan bagi menjawab soalan kajian satu dan soalan kajian dua. Soalan kajian tiga menggunakan nilai pekali korelasi untuk menentukan kekuatan hubungan antara pemahaman dengan amalan patriotisme.

Kajian ini melibatkan 276 orang siswa guru sejarah yang terdiri daripada 88 orang lelaki dan 188 perempuan. Daripada jumlah tersebut, bangsa Melayu sebanyak 48.2% (n=188), Cina 28.3% (n=78), India 14.5% (n=40) dan lain-lain bangsa 9.1% (n=25). Tempat lahir responden merangkumi semua negeri di Malaysia dan responden dari Kelantan yang tertinggi iaitu 12.0% (n=33) manakala Perlis paling sedikit iaitu 1.1% (n=3).

Pemahaman Patriotisme Dalam Kalangan Siswa Guru Sejarah Institut Pendidikan Guru di Malaysia

Secara umumnya tahap pemahaman siswa guru sejarah terhadap patriotisme berada pada tahap yang tinggi (min=4.06; s.p.=0.270). Berdasarkan interpretasi skala skor min tahap pemahaman dan tahap amalan mengikut Tschannen-Morgan & Gareis (2004) min = 4.06 bermaksud tahap pemahaman patriotisme siswa guru sejarah di IPG di Malaysia berada pada tahap yang tinggi. Jadual 2 menunjukkan skor min dan sisihan piawai tahap pemahaman patriotisme siswa guru sejarah IPG di Malaysia. Sub konstruk setia negara mencatatkan min tertinggi iaitu 4.65 dengan sisihan piawai .421 diikuti sub konstruk hormat simbol negara dengan min=4.45 dan sp=.502 dan sub konstruk paling rendah ialah bangga negara dengan min=3.66 dan sp=.315.

Jadual 2: Skor Min dan Sisihan Piawai Pemahaman Patriotisme

Sub Konstruk	Min	SP
Bangga negara	3.66	.315
Setia Negara	4.65	.421
Hormat Simbol Negara	4.45	.502
Keseluruhan	4.06	.270

Dapatan kajian mendapati pemahaman patriotisme siswa guru sejarah di Institut Pendidikan Guru (IPG) di Malaysia berada pada tahap yang tinggi. Kajian ini selari dengan kajian oleh Gill et al., (2015) yang mendapati belia yang mempunyai tahap pendidikan peringkat ijazah, mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap patriotisme. Dapatan ini membuktikan bahawa siswa guru sejarah IPG merupakan individu yang memahami dan mempunyai pengetahuan yang baik tentang patriotisme. Tambahan pula semua siswa guru sejarah yang terpilih mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) perlu melalui beberapa siri temuduga yang standard untuk menjadi pendidik. Pendapat ini disokong oleh Ramli Ismail yang menyatakan bahawa mahasiswa PISMP mempunyai kefahaman yang baik mengenai teori-teori dan kepentingan nilai dalam pengajaran dan pembelajaran berkaitan patriotisme.

Dapatan ini berbeza dengan hasil kajian oleh Mohd. Yusof et al., (2012) dan Aziz et al., (2014) yang mendapati pemahaman mahasiswa berada pada tahap yang lemah manakala Ku Hasnita dan Mohd Haizam (2012) pula mendapati semangat patriotisme dalam kalangan mahasiswa bukan Melayu adalah sederhana.

Amalan Patriotisme Dalam Kalangan Siswa Guru Sejarah Institut Pendidikan Guru di Malaysia

Berdasarkan statistik, tahap amalan siswa guru sejarah terhadap patriotisme turut berada dalam tahap tinggi berdasarkan rumusan Tschannen-Morgan & Gareis (2004) iaitu (min=4.48; s.p.=0.451). Jadual 3 menunjukkan skor min dan sisihan piawai amalan patriotisme siswa guru sejarah IPG di Malaysia. Analisis mengikut sub konstruk amalan patriotisme pula menunjukkan sub konstruk perancangan mendapat nilai min tertinggi dengan min=4.50 dan sp=.493, diikuti dengan sub konstruk pelaksanaan min=4.49 dan sp=.461 dan sub konstruk refleksi dengan min=4.43 dan sp=.552.

Jadual 3: Skor Min dan Sisihan Piawai Amalan Patriotisme

Sub Konstruk	Min	SP
Perancangan	4.50	.493
Perlaksanaan	4.49	.461
Refleksi	4.43	.552
Keseluruhan	4.48	.451

Dapatan kajian tentang amalan patriotisme mendapati tahap amalan patriotisme berada pada tahap yang tinggi. Kajian ini tidak selari dengan kajian oleh Anuar Ahmad (2001) dan Haminah (2006) yang mendapati wujud ketidakupayaan kalangan guru untuk menterjemahkan patriotisme dalam amalan pengajaran dan pembelajaran mereka dan terdapat kesukaran dalam kalangan guru-guru Sejarah untuk mengintegrasikan nilai-nilai patriotisme dalam beberapa tajuk yang terkandung dalam kurikulum Sejarah tingkatan dua. Selain itu guru-guru Sejarah tidak bersedia untuk menerapkan nilai patriotisme semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Anuar, 2001). Hal ini membawa maksud guru-guru di sekolah tidak bersedia mengamalkan amalan patriotisme di bilik darjah. Perkara ini amat merisaukan pihak kementerian pendidikan kerana dapatan tersebut tidak selari dengan kajian oleh Ku Hasnita (2007) yang melaporkan bahawa pendidikan adalah faktor penting dalam konsep perpaduan dan pihak sekolah memainkan peranan yang penting dalam membangunkan semangat patriotisme pelajar. Dapatan kajian tersebut diperkukuhkan lagi oleh Ku Hasnita dan Mohd Haizam (2011) yang mendapati proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah dan menengah mampu menjadi alat bagi pemahaman, pemupukan dan memperkasa semangat patriotisme dalam kalangan pelajar. Adalah amat mendukacitakan seandainya guru-guru di sekolah tidak mampu mengamalkan amalan yang dapat menerapkan unsur patriotisme.

Namun begitu kajian terhadap siswa guru sejarah ini berjaya membuktikan bahawa bakal-bakal guru Sejarah melakukan amalan patriotisme yang tinggi dalam perncangan, pelaksanaan dan refleksi mereka. Amalan ini perlu diteruskan bagi memberi keyakinan dan motivasi kepada mereka yang akan ke sekolah untuk mengajar selepas tamat tempoh latihan perguruan. Disamping itu kita amat berharap agar bakal guru dapat mempelbagaikan pengajaran dan pembelajaran Sejarah agar lebih bersifat sejarah gunaan (*applied history*) berbanding dengan cara lama yang menggunakan kaedah konvensional yang banyak terarah kepada kaedah menghafal tarikh dan peristiwa yang sangat membosankan pelajar.

Hubungan pemahaman patriotise dengan amalan patriotisme (korelasi)

Hipotesis nol pertama (Ho1) yang dibentuk diuji dengan analisis korelasi *pearson* untuk melihat adakah terdapat hubungan antara pemahaman patriotisme dengan amalan patriotisme siswa guru sejarah IPG di Malaysia. Jadual 4 memaparkan keputusan ujian korelasi yang menunjukkan nilai r ialah .434 dan $p=.000$, iaitu $p < 0.05$. Nilai tersebut menunjukkan bahawa hipotesis pertama (Ho1) berjaya ditolak. Keputusan ujian ini membuktikan bahawa terdapat hubungan yang lemah antara pemahaman patriotisme dengan amalan patriotisme siswa guru sejarah IPG di Malaysia.

Jadual 4: Hubungan Antara Pemahaman Patriotisme Dengan Amalan Patriotisme Siswa guru sejarah IPG Di Malaysia.

Pemboleh ubah	r	Sig.
Pemahaman	.434**	.000
Amalan		

**signifikan pada aras 0.01 (2-tailed)

Berdasarkan petunjuk kekuatan nilai pekali korelasi, $r=.434$, saiz pekali korelasi membuktikan bahawa terdapat hubungan yang lemah antara pemahaman patriotisme dengan amalan patriotisme siswa guru sejarah IPG di Malaysia yang telah diuji. Walaupun pemahaman patriotisme mempunyai hubungannya dengan amalan patriotisme siswa guru Sejarah, namun hubungan tersebut tidak kuat. Hubungan yang tidak kuat ini membuktikan bahawa tahap pemahaman patriotisme tetap mempunyai hubungannya dengan amalan patriotisme guru di kelas. Dapatan ini selari dengan hasil kajian Mohmad Noor (2006) yang menyatakan pemahaman guru tentang patriotisme adalah sangat penting untuk membolehkan mereka menyelitikan unsur-unsur patriotisme dalam amalan pengajaran mereka. Sekiranya guru gagal memahami dan menghayati maksud dan intipati patriotisme, penerapan patriotisme melalui pengajaran terus nilai patriotisme tidak dapat dijalankan. Dapatan kajian tersebut menunjukkan pengajaran nilai terus dapat meningkatkan tahap patriotisme dalam kalangan pelajar dan tiada perbezaan terhadap pencapaian patriotisme antara kumpulan etnik yang dikaji.

Kajian Mohmad Noor (2006) bertujuan untuk melihat kesan pengajaran terus nilai patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah bagi penerapan patriotisme dengan menggunakan sumber pengajaran Sejarah pelbagai perspektif selain buku teks dan sumber pengajaran Sejarah berasaskan buku teks. Ini berbeza dengan dapatan kajian oleh Mohamad Sultan (2012) yang mendapati unsur patriotisme dalam buku teks Sejarah dan sukatan pelajaran Sejarah menengah rendah adalah mencukupi untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan murid. Kelemahan dalam amalan patriotisme dalam kalangan guru adalah berpunca dari kurangnya kefahaman mereka terhadap maksud sebenar patriotisme itu sendiri. Hal ini menimbulkan persoalan mengapa guru-guru Sejarah yang telah dikaji oleh Anuar (2001) dan Haminah (2007) gagal untuk mengimplimentasi nilai patriotisme yang sedia ada dalam buku teks yang dibekalkan kepada murid oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Situasi yang sama turut berlaku dalam kajian oleh Jaizah et al., (2001) yang mendapati siswa guru tidak menerapkan unsur patriotisme seperti yang dirancang dalam buku rekod rancangan mengajar mereka. Situasi ini wujud mungkin kerana terdapat guru-guru yang diambil secara 'tangkap muat' untuk mengajar mata pelajaran Sejarah di sekolah. Haminah (2007) juga mendapati sebahagian besar guru-guru Sejarah yang dikaji tidak mendapat kursus-kursus untuk memupuk patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Manakala Rosnanaini Sulaiman (2003), Nik Azleena (2007) dan Janimah (2011) pula mendapati guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah tidak menguasai Sukatan Pelajaran dan Kurikulum Sejarah. Sudah terang lagi bersuluh bahawa pemahaman dan amalan guru-guru di bilik darjah sangat penting dalam menerapkan semangat patriotisme.

Fenomena kelemahan dan kepincangan guru yang sering berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berpunca daripada tahap penguasaan yang lemah dalam mata pelajaran tersebut telah diakui oleh Howey (1999), Wang Guo, Chiang & Cheng (1999) dan Abdul Razak & Mohmad Mahzan (2017). Cabaran ini yang sedang dihadapi oleh pihak IPG terutama Jabatan Sains Sosial di setiap kampus untuk membudayakan pemahaman dan amalan patriotisme dalam kalangan siswa guru sejarah agar penerapan patriotisme dapat dilestarikan di sekolah dengan jayanya. Ia sejajar dengan tranformasi kurikulum pendidikan kebangsaan yang mendepani cabaran abad ke-21. Menurut Abdul Razak, Mohd Mahzan dan Zunaida (2017) dalam tranfomasi tersebut kurikulum pendidikan Sejarah kebangsaan dilihat berubah secara holistik sama ada berkaitan pedagogi, pengurusan, kandungan, kaedah penilaian, peruntukan masa, bahan dan pengurusan kurikulum di sekolah.

Implikasi Dan Cadangan

Secara umumnya kajian ini telah berjaya melihat tahap pemahaman patriotisme dan tahap amalan patriotisme berada pada tahap yang tinggi dalam kalangan siswa guru sejarah di seluruh Institute Pendidikan Guru (IPG) di Malaysia. Kajian ini juga membuktikan terdapatnya hubungan yang signifikan antara pemahaman dan amalan patriotisme siswa guru sejarah di seluruh IPG di Malaysia.

Berdasarkan kajian ini kita dapat disimpulkan bahawa bahawa siswa guru sejarah yang telah terpilih mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) melalui temuduga yang standard yang melayakkan mereka bergelar guru Sejarah apabila tamat kursus kelak. Ia berjaya menepis dakwaan segelintir masyarakat tentang proses pemilihan guru yang dikatakan tidak selari dengan aspirasi pendidikan negara dan terdapat sikap pilih kasih dalam proses temuduga. Siswa guru sejarah sememangnya mempunyai jati diri dan semangat patriotisme yang tinggi kerana mereka sentiasa didedahkan dengan semangat cintakan tanah air atau patriotisme melalui kursus-kursus yang ditawarkan dan program-program di peringkat IPG. Walau bagaimanapun hasil kajian ini dilihat mempunyai perbezaan dengan kajian yang telah dijalankan terhadap mahasiswa di institut pendidikan tinggi awam (IPTA) dan institut pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang acap kalinya kajian mendapati mahasiswa mempunyai tahap patriotisme yang rendah. Fenomena tahap pemahaman dan amalan yang tinggi dalam kalangan siswa guru sejarah di IPG wujud kerana kita sedia maklum bahawa PISMP merupakan program penghasilan guru peringkat sekolah rendah yang dibiayai sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Keberhasilan dan kemenjadian guru yang patriotik sangat dititik beratkan dalam program ini. Kita bukan menidakkan keberhasilan dan kemenjadian siswa yang patriotik yang lahir daripada program-program ijazah di IPTA dan IPTS, bezanya siswa guru sejarah dalam PISMP sememangnya diberi penekanan dalam kursus mereka untuk menjadi model kepada pelajar di sekolah. Mereka perlu menguasai pengetahuan yang spesifik dalam bidang tersebut, mempunyai kemampuan dan aura yang luar biasa untuk menarik minat pelajar agar mereka mampu menerapkan patriotisme kepada pelajar di dalam kelas.

Kita amat berharap agar KPM amnya dan IPGM khasnya sentiasa memunikan kursus mata pelajaran Sejarah untuk guru-guru yang sedang berkhidmat terutama dalam bidang pedagogi dan kemahiran teknologi maklumat (ICT) agar selari dengan perkembangan teknologi abad ke 21 yang sedang menghakis semangat patriotik pelajar. Pengaruh media masa kini semakin melunturkan semangat patriotik pelajar terhadap negara. Kerajaan tidak mampu menyekat pengaruh tersebut kerana kini pelajar seawal usia 7 tahun sudah pandai meniru gaya-gaya dan perlakuan yang kurang sesuai dengan identiti negara kita dan boleh menghakis semangat cintakan tanah air dan sanggup berkorban untuk tanah air.

Kesimpulan

Kita menyadari perlunya bakal-bakal guru dalam pengkhususan Sejarah melestarikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melahirkan warga pelajar yang berjiwa patriotik. Perkara ini sejajar dengan dasar KPM yang menjadikan mata pelajaran Sejarah wajib diajar di semua sekolah rendah kebangsaan dan sekolah rendah jenis kebangsaan di Malaysia mulai tahun 2014. Tahap pemahaman dan amalan patriotisme dalam kalangan siswa pendidik PISMP kursus Sejarah merupakan perkara pokok yang perlu didedahkan bagi melihat sejauh mana hasrat kementerian pendidikan membangkitkan semangat patriotisme bermula di sekolah rendah. Hakikatnya seseorang bakal pendidik perlu memahami sesuatu perkara dengan baik sebelum mereka mengamalkannya. Kajian ini membuktikan bahawa sememangnya siswa guru sejarah mempunyai tahap pemahaman dan amalan patriotisme yang tinggi namun situasi ini diharapkan berterusan sehingga mereka berjaya menjadi guru Sejarah di sekolah.

Cabaran sebenar adalah apabila siswa guru sejarah memasuki alam pekerjaan sebagai guru Sejarah di sekolah. Guru kini dihipit oleh dunia tanpa sempadan yang mendedahkan pelajar kepada budaya-budaya luar yang bertentangan dengan nilai-nilai patriotisme yang seharusnya ada dalam diri pelajar. Lain padang lain belalang, di mana pun lokasi sekolah, hasrat kerajaan untuk menerapkan patriotisme melalui mata pelajaran Sejarah haruslah dilaksanakan. Dapatan kajian ini diharap mampu memberi satu penanda aras terhadap kemenjadian murid selaras dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Di samping itu, pelestarian patriotisme dalam kalangan pelajar sekolah di Malaysia khususnya sekolah rendah akan berjaya dilaksanakan sejajar dengan usaha kerajaan yang melancarkan Tranfomasi Nasional 2050 (TN50) yang bermatlamat mahu menjadi negara 20 teratas dalam pembangunan ekonomi, kemajuan sosial dan inovasi. Semoga pelestarian patriotisme di peringkat sekolah rendah membantu negara mencapai tranfomasi dalam bidang pendidikan selaras dengan aspirasi negara.

Rujukan

- Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman (2008). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Tanjung Malim, Malaysia; Quantum Book, Edisi kedua.
- Abdul Rahman Abdul Aziz, Abdul Razaq Ahmad, Mohd Mahzan Awang, and Jamil Ahmad (2015). Pembinaan dan pengisian instrumen bagi mengukur amalan patriotisme dan toleransi kaum belia pelbagai kaum. hlm. 38, <http://ejournal.unri.ac.id/index.php/ISRE/article/view/3027/2957>, diakses pada 20 Jan 2017
- Anuar Ahmad (2001). Warganegara patriotik, masyarakat sivil dan pendidikan sejarah di Malaysia”, *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sejarah Ke Arah Pembentukan Warganegara Patriotik, Kuala Lumpur*. Anjuran Bersama PPK, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Persatuan Sejarah.
- Awang Had Salleh (1983). *Pendidikan dan Nasionalisme: Penentuan Konsep dan Pencerobohan Strategi*, Konvokesyen Pendidikan ke 8. Tanjung Malim,
- Astroawani (2017). Kronologi Pencerobohan Pantai Timur Sabah. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kronologi-pencerobohan-pantai-timur-sabah-9460>, dicapai pada 10 Januari 2017.
- Awang Had Salleh (2000). *Patriotisme dan Globalisme dalam Konteks Pegerakan Bahasa dan Sastera Kebangsaan Dalam Globalisme dan Patriotisme dalam Sastera Melayu*. Abdul Latif Abu Bakar (pnyt). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Bar-Tal, D. dan Staub, E. (1997). *Patriotism in the life of individual and nations*, Nelson-Hall Publishers: Chicago.

- Berita Harian* (2014). *Semangat Patriotisme Perlu Dijiwai Bukan Sekadar Simbolik*. 14 September 2014, <http://www.bharian.com.my/node/6611>, dicapai pada 27 Februari 2017.
- Berita Harian* (2010). Kukuhkan Patriotisme Melalui Negaraku. 27 Ogos 2010.
- Carrington, B. & Short, G., 'What Make A Person British? Children's Conceptions of Their National Culture and Identity,' *Educational Studies*, 21(20).
- Chua Kheng Hoe (2017). Pembangunan Patriotisme Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Dua: Perbandingan Antara Empat Jenis Sekolah', <http://eprints.utm.my/6519/4/ChuaKhengHoeMFPCCHAP1.pdf> dicapai pada 20 Februari 2017.
- Curti, M (1946). *The Roots of American Loyalty*. London: Columbia Universiti Press.
- Eston, D dan Hess, R. D. (1962). The child's political world. *Midwest Journal of Political Science*, Vol 11.
- Fletcher, R.H. (2000). History: the school, freedom and the university. *Teaching History*, 23 (3).
- Gill, S.S., Mohd Rahimi Ramli dan Ahmad Tarmizi Talib (2015). Kesedaran patriotik dalam kalangan belia bandar di semenanjung Malaysia. *KRITIS: Jurnal Sosial Ilmu Politik Universiti Hasanuddin*, vol. 1, no. 1.
- Haminah Suhaibo (2007). *Pemupukan patriotisme dalam pendidikan sejarah tingkatan satu*. Tesis Ph.D, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, (Tidak Diterbitkan).
- Haris Md. Jadi (1990). *Etnik, politik dan pendidikan*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Hashim Awang (2000). *Patriotisme dan nasionalisme dalam novel Melayu*. Dalam *Globalisme dan patriotisme dalam sastera Melayu*. Abdul Latif Abu Bakar (editor), Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Hussein Hj Ahmad & Haneza Ab. Hamid (2015). Pengurusan pembangunan konsep perpaduan dalam kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan: satu kajian di Kelang, Selangor', *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, bil. 2, isu 4, <http://e-journal.um.edu.my/publish/JuPiDi/> dicapai pada 25 April.
- Jaizah Mahmud, Muhamad Khairuddin Lim Abdullah dan Ibrahim Md Nor (2001). *Tinjauan terhadap penerapan unsur patriotisme melalui mata pelajaran Kajian Tempatan di kalangan guru pelatih semasa menjalani praktikum*, Institut Perguruan Darulaman: Jitra.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)*, Sejarah Tahun Empat.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). Bilangan 15 tahun 2014, program kembara sejarah bagi pemantapan mata pelajaran sejarah di sekolah rendah dan menengah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mulai tahun 2015 bertarikh 28 november 2014.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). Bilangan 1 tahun 2014, perlaksanaan mata pelajaran sejarah kssr tahap ii mulai tahun 2014, bertarikh 30 januari 2014.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). Bilangan 18 Tahun 2013, Kempen kibar jalur gemilang sempena sambutan perayaan ke-56 tahun 2013 bertarikh 7 ogos 2013.
- Kleinig, J., Keller, S. & Primoratz, I. (2015). *The ethics of patriotism: a debate*, Wiley Blackwell: UK,
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Ku Hasnita Ku Samsu (2007). Pemupukan Semangat Patriotisme Melalui Proses Sosialisasi Politik. *Jati*, Vol 12.
- Ku Hasnita Ku Samsu & Mohd Haizam Mohd nor (2011). Kepentingan pendidikan patriotisme terhadap warganegara Malaysia. *Jati*, vol 16.
- Levine, P. (2006). Should we teach patriotism? <http://www.peterlevine.ws/mt/archives/000834.html>,_dicapai pada 13 Mei 2017.

- Mohamad Sultan Faujdar (2012). *Patriotisme dalam buku teks sejarah menengah rendah*. Tesis Ph. D, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. (Tidak Diterbitkan).
- Mohmad Noor Mohmad Taib (2006). *Kesan pengajaran terus nilai dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah bagi penerapan patriotisme*. Tesis Ph.D, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia,. (Tidak Diterbitkan).
- Mohamad Rodzi Abdul Razak (2009). Pembinaan negara bangsa Malaysia: peranan pendidikan sejarah dan dasar pendidikan kebangsaan, *JEBAT* bil. 36, Jabatan Sejarah, UKM: Bangi,
- Mohd Zuhdi Marzuki (2017). *Patriotisme menurut perspektif islam dan barat*, <http://www.tarbawi.my>, dicapai pada 15 Mac 2017.
- Muller, J. W. (2007). *A general theory of constitutional patriotism*. hlm. 72-95, <https://academic.oup.com/icon/article/6/1/72/669052/>, dicapai pada 8 April 2017.
- Nadarajan Marimuthu (2006). A survey on the understanding of patriotism among the students of teacher institute: case study in IPRM. Paper presented in the *National Level Teachers' Research Seminar*, Organised by TED/IPTI.
- Nazri Muslim & Jamsari Alias (2002). Patriotisme: konsep dan pelaksanaannya di malaysia, seminar antarabangsa nilai, dalam *Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004)*, Hotel City Bayview, Langkawi, 4-6 September 2004. (Tidak diterbitkan)
- Nik Anuar Nik Mahmud (2002). Patriotisme dalam penulisan sejarah. Kertas Kerja dibentangkan di *Kongres Patriotisme Negara*, di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara Malaysia, Bangi pada 22 - 28 Oktober 2002.
- Noraini Idris (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*, Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Ramlah Adam (2015). Insiden Lahad Datu: Kesan Ke Atas Penduduk Kampung-Kampung Yang Terlibat, dalam *Prosiding Persidangan Sejarah Pasca Merdeka*, Universiti Sains Malaysia,
- Ramli Ismail (2011). Hubungan kefahaman kurikulum dan kokurikulum akademik dengan patriotisme keguruan dalam kalangan guru pelatih; kemahiran belajar dan kemahiran berfikir sebagai mediator. Tesis Doktor Falsafah Pendidikan, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia. (Tidak Diterbitkan).
- Ramli Saadon dan Khairi Arifin (2015). Pengajaran sejarah di national school of malaya mengikut cadangan dan pandangan Aminuddin Baki pada tahun 1952 dan kerelevanannya terhadap pengajaran sejarah kini, dalam *Prosiding Persidangan Sejarah Malaysia Pasca Merdeka*, Universiti Sains Malaysia,
- Rashidah Mamat (2016). *Satu bangsa satu identiti: nasionalisme dan patriotisme paksi survival negara bangsa*, dalam *Negara Bangsa Malaysia: Asas Dan Cabaran*, Rohani Ab. Ghani (editor), Sintok: UUM Press.
- Rohani Ab. Ghani (2003). *Nasionalisme Malaysia: Quo-Vadis dalam Kenegaraan Malaysia: Isu-Isu Dalam Pembinaan Negara*, Zulhilmi Paidi dan Rohani Ab. Ghani (editor), PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd: Pahang.
- Sarjit, S. Gill, Mohd Rahimi Ramli dan Ahmad Tarmizi Talib (2015). Kesedaran patriotik dalam kalangan belia bandar di semenanjung Malaysia. *KRITIS: Jurnal Sosial Ilmu Politik Universiti Hasanuddin*, vol. 1, no. 1, hlm. 111-120.
- Sitti Hasnah Bandu, Mohd Mahzan Awang dan Abdul Razaq Ahmad (2015). Penerapan kompetensi kewarganegaraan dalam kalangan pelajar pelbagai etnik peringkat sekolah menengah di Malaysia', *Prosiding Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan 4 (COSNA 4)*, 13-15 Mac 2016, UPSI, www.researchgate.net/, dicapai pada 11 Jun 2017.
- Saifuddin Abdullah (2002). Patriotisme Alaf Baru dalam *Kongres Patriotisme Negara*, Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (ESSET), 24-26 Oktober 2002.

- Sitti Hasnah Bandu, Abdul Razaq Ahmad dan Mohd Mahzan Awang (2015). Patriotisme: issues and challenges in Malaysia. *International Conference on Current Issues in Education, National University of Malaysia*.
- Slater, J. G. (1989). *The Politics of History Teaching: A Humanity Dehumanized?* Institute of Education: University of London.
- Subadrah Nair, Rajeswari P. Sinasamy & Najeemah Mohd Yusof (2011). Patriotisme dalam kalangan murid tingkatan empat dan hubungannya dengan minat terhadap Sejarah. *Seminar Pendidikan Sejarah Dan Geografi, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial*, Universiti Malaysia Sabah, 13-14 Julai 2011.
- Suhaimi Ibrahim (2005). Patriotisme dan Globalisasi dalam Hussain Mohamad (editor), *Belia dan Patriotisme Malaysia*, Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, hlm. 112-117.
- Utusan Malaysia* (2010). Subjek Sejarah Wajib Lulus SPM, 24 Oktober 2010.
- Utusan Online* (2017). Indeks Patriotisme Uji Tahap Kesetiaan, <http://ww1.utusan.com.my/>, dicapai 15 Mac 2017.
- Zembylas, M. (2017). The teaching of patriotism and human rights: an uneasy entanglement and the contribution of critical pedagogy. *Educational Philosophy and Theory*, Open University of Cyprus, bil. 46, No. 10, 2014, <http://dx.doi.org/10.1080/00131857.2013.803238>,_dicapai pada 14 Februari 2017.